

**TALKING POINT**  
**YG. BHG. BRIG. JEN. DATUK PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**MAJLIS MERAIKAN KEJAYAAN ATLIT SUKUM 2014**  
**UNICITI ALAM SG. CHUCHUH**  
**3 SEPTEMBER 2014**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Salam Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP**

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Yang Berbahagia Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Yang Berusaha En Afizal Abu Othman, Pengarah Pusat Sukan UniMAP

Yang Berusaha Dr. Rizalafande Che Ismail, Ketua Kontinjen UniMAP

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan

Pengurus-Pengurus Pasukan, Barisan Sekretariat SUKUM 2014, Wakil-wakil Media, seterusnya barisan atlit UniMAP ke Kejohanan SUKUM 2014.

**ALUAN KATA**

*Budak-budak berkejar-kejaran,  
Rasa gembira bermain di muara,  
Biar apapun halangan dan cabaran,  
UniMAP unggul kekal JUARA*

- 1) Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT, diberikan keizinan dariNya untuk kita berkumpul pada malam ini – malam penuh bererti bagi meraikan kejayaan barisan atlit UniMAP yang bertungkus lumus dalam memastikan kejuaraan Kejohanan SUKUM 2014 kekal milik UniMAP.
- 2) Sesungguhnya, saya amat berbangga dengan pencapaian yang diraih oleh majoriti pasukan yang mewakili UniMAP dan jutaan terima kasih kepada pasukan-pasukan yang menghadiahkan pingat buat UniMAP.
- 3) Sesungguhnya kejayaan yang diraih ini merupakan komitmen berterusan para atlit dalam memartabatkan nama UniMAP di pentas Kejohanan SUKUM sekaligus memahat kegemilangan UniMAP di kalangan rakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lainnya.
- 4) Seperti pantun di atas : biar apapun halangan, cabaran mahupun perubahan syarat pertandingan dari tahun ke tahun, UniMAP tidak gentar, malah terus menerus melakar kejayaan untuk kali yang ke**TUJUH** tahun ini. Syabas dan tahniah untuk semua atlit dan pasukan yang berjaya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

**KOMITMEN PENGURUSAN TOP-BOTTOM**

*Bunga teratai indah berseri,  
Hanyut tangkainya di bawah titi,*

**Sokongan pengurusan terus diberi,  
Moga ia tidak dikhianati**

5. Sejak menjadi Naib Canselor UniMAP, saya sentiasa menekankan aspek-aspek kecemerlangan yang boleh memacu UniMAP ke persada kejayaan.

6. Alhamdulillah selepas 12 tahun, satu persatu kejayaan telah diraih oleh UniMAP termasuk dalam bidang akademik, penyelidikan, kebudayaan, pelajar dan sukan. Kejayaan ini merupakan hasil komitmen dan kerjasama berpasukan yang telah dibentuk sejak atas penubuhan KUKUM itu lagi.

7. Sesungguhnya saya amat berbangga dengan barisan ketua jabatan/dekan di UniMAP yang sentiasa menyokong penglibatan staf-staf mereka dalam kejohanan SUKUM 2014 ini. Saya percaya, sokongan ini merupakan suntikan motivasi buat para atlit untuk mempamerkan aksi terbaik dalam acara yang disertai.

8. Namun, harus diingat, apabila kita berada di puncak kejayaan, kita tidak boleh leka atau berada di zon selesa kerana sifat ini akan hanya menjadikan sesuatu organisasi itu jatuh merudum. Oleh itu, saya mengharapkan kesemua pengurus dan atlit UniMAP untuk meneruskan budaya dan nilai positif yang telah ditanam selama ini bukan sahaja di pentas pertandingan, sebaliknya di dalam alam pekerjaan masing-masing.

9. Dalam keadaan ekonomi sekarang, adalah sukar untuk mendapatkan pekerjaan, namun dengan bakat dan kelebihan yang ada pada para atlit, anda kini bernaung di bawah payung UniMAP. Atas dasar itu, saya menyeru para atlit untuk menonjolkan kualiti kerja yang terbaik agar seiring dengan pencapaian dan kebolehan anda di bidang sukan.

***Masuk ke hutan memakai sepatu,  
Takut terkena gigitan pacat,  
Kalau kita selalu bersatu,  
Tugas dan kerja mudah dibuat.***

Hadirin dan hadirat sekalian,  
**KEJAYAAN SUKUM 2014**

10. Pada tahun ini, kegemilangan UniMAP dizahirkan menerusi kejayaan meraih sembilan pingat emas, tujuh pingat perak dan tiga pingat gangsa. Tahniah kepada pasukan bola tampar lelaki dan wanita, pasukan olahraga lelaki dan wanita, pasukan bola sepak lelaki senior, pasukan boling padang lelaki, pasukan tenis campuran juga pemain-pemain boling UniMAP yang menyumbangkan pingat emas untuk tahun ini.

11. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan buat pasukan basikal bukit, dart wanita, futsal wanita, hoki lelaki serta pemain-pemain boling yang menyumbangkan pingat perak selain pasukan bola sepak veteran lelaki dan pasukan boling padang wanita yang menyumbangkan pingat gangsa.

12. Sesungguhnya saya amat berbangga, daripada 32 acara yang dipertandingkan, sembilan belas pingat berjaya dibawa pulang. Hanya terdapat beberapa acara sahaja yang gagal menyumbangkan pingat manakala ada juga acara yang kita tidak menghantar penyertaan. Justeru saya amat mengharapkan pengurusan Pusat Sukan akan melakukan post mortem yang khusus untuk mengenalpasti punca kegagalan pasukan dan terus mencari kekuatan dan kelebihan yang ada untuk pasukan yang menyumbangkan pingat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **PROGRAM AKAN DATANG**

13. Kurang tiga minggu dari sekarang, UniMAP bakal melalui fasa-fasa sibuk apabila berlangsungnya Istiadat Konvokesyen UniMAP Kali Ke-9. Bersempena Istiadat ini juga, seperti kebiasaannya, akan turut dilangsungkan Festival Konvokesyen 2014 yang mana antara pengisian dan aktiviti yang melibatkan Pusat Sukan ialah Larian Utara 2014 serta Autisme Charity Walk.

14. Tahun ini merupakan penganjuran kali ke-3 Larian Utara dilaksanakan, manakala bagi Autisme Charity Walk ia merupakan penganjuran pertama. Justeru, saya mengharapkan barisan sekretariat bagi kedua-dua acara ini dapat melaksanakan tugas masing-masing dengan sebaik mungkin.

15. UniMAP juga pada bulan Oktober ini akan menganjurkan Kejohanan Woodball Universiti Dunia (WUWC) yang akan membabitkan penyertaan dari lebih 30 buah negara. Sebagaimana kejayaan Woodball Universiti Asian pada tahun lalu, saya mengharapkan WUWC akan turut dipermudahkan penganjurannya dengan kerjasama dan komitmen jitu dari semua sekretariat yang terlibat. Buktikan bahawa kita mampu menjadi hos yang terbaik bagi acara-acara sukan ini.

13. Akhir kata, Saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua atlit yang berjaya di SUKUM 2014 dan janganlah kita terus leka dan alpa di buai kejayaan ini kerana musuh sentiasa mencari ruang dan peluang untuk menumpaskan kita. Semoga kejayaan akan terus mengiringi langkah UniMAP di pentas sukan.

Syabas dan Tahniah ikhlas dari saya dan selamat maju jaya.

Sekian Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.